

Tingkat kualiti graduan

► UMS tubuh Majlis Kebolehpasaran Graduan dan Keusahawanan

UB 20.4.2019 A10

KOTA KINABALU: Universiti Malaysia Sabah (UMS) menubuhkan Majlis Kebolehpasaran Graduan dan Keusahawanan UMS bagi membuka peluang dan ruang kepada pihak industri, para usahawan, pakar dan ahli akademik bekerjasama dalam usaha mempertingkat kualiti graduan dari aspek kebolehpasaran.

Naib Canselor UMS Prof Datuk Dr D Kamarudin D Mudin berkata, pembentukan majlis itu adalah selaras dengan saranan Kementerian Pendidikan Malaysia untuk mengamalkan konsep kerjasama akademia-industri.

“Majlis yang dianggotai oleh agensi-agensi kerajaan dan pihak industri ini berperanan sebagai pembimbing serta penasihat kepada pelaksanaan program dan aktiviti yang bertujuan mempertingkatkan kebolehpasaran graduan termasuklah program dan aktiviti yang berteraskan keusahawanan,” katanya ketika berucap pada Penyerahan Watikah Pelantikan kepada



KY MUSTAFA (lima kiri) bersama D Kamarudin (empat kiri) mengambil gambar kenangan bersama penerima dan wakil penerima watikah lantikan sebagai ahli Majlis Kebolehpasaran Graduan dan Keusahawanan UMS. Turut kelihatan Ismail (lima kanan) dan Lai (empat kanan).

ahli-ahli majlis, di sini pada Khamis.

Beliau turut menyuarakan harapan agar Majlis Kebolehpasaran Graduan dan Keusahawanan UMS dapat memberi pandangan nasihat berkenaan hala tuju atau dasar pembangunan kerjaya pelajar dan keusahawanan pelajar di UMS dan negeri Sabah.

“Disamping itu, berbekalkan pengalaman dan pengetahuan ahli di dalam bidang masing-masing, adalah menjadikan harapan universiti agar para bakal

graduan dapat didedahkan dengan aktiviti berimpak tinggi yang selari dengan keperluan industri masa kini,” katanya.

Pada program itu, seramai tujuh ahli majlis yang dilantik menerima watikah pelantikan yang disampaikan Pengurusi Lembaga Pengarah UMS Datuk KY Mustafa.

Mereka ialah Pengurus Eco Yap Farm Prof Adjung Datuk Yap Yun Fook bagi kluster Pertanian dan Perladangan; Pengarah Jabatan Perikanan

Negeri Sabah Dr Ahmad Sade (Perikanan dan Akuakultur); dan Yang Dipertua Dewan Perniagaan Melayu Malaysia Negeri Sabah Datuk Ag Buhtamam Ag Mahmum (IKS / Industri Makanan).

Turut dilantik Timbalan Pengarah Jabatan Pembangunan Perindustrian dan Penyelidikan Stephen Sampil (Perindustrian); Pengarah Urusan Sofield Petroleum Sdn Bhd Dato' Suahili Abdul Rahman (Minyak dan Gas); Pengurus

Besar Lembaga Pelancongan Sabah Suzaini Abdul Ghani (Pelancongan); dan Timbalan Pengurusi Lembaga Pelabuhan-pelabuhan Sabah Datuk Maisuri Basri bagi Kluster Logistik.

Hadir sama, Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) Prof Dr Ismail Ali; Pengarah Pusat Kerjaya dan Alumni Prof Madya Dr Lai Yew Meng; serta Pengarah Pusat Jaringan Industri dan Komuniti Prof Dr Coswald Stephen Sipaut @ Mohd Nasri.